

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI.

---

1983

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) --DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SOAL PENTING DALAM KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA IALAH MEWUJUDKAN KERJASAMA ERAT ANTARA KERAJAAN DENGAN SEKTOR SWASTA SUPAYA BERGERAK SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT BAGI MEMAJUKAN NEGARA INI.

INI ADALAH UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DALAM PERSAINGAN ANTARABANGSA ATAUPUN PEMBANGUNAN DALAM NEGARA, KATA PERDANA MENTERI DALAM TEMUBUAL RANCANGAN ERAWAL SEMASA MENGENAI KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA YANG DISIARKAN OLEH RTM MALAM INI.

+KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA IALAH BEKERJA SEOLAH-OLAH KITA MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARIKAT KERANA KEUNTUNGAN SYARIKAT ITU ADALAH KEUNTUNGAN KITA JUGA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR EKONOMI BARU TIDAK DIKETEPIKAN DALAM PERLAKSANAAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN MASALAH ITU AKAN DIHADAPI APABILA IA TIMBUL.

KATANYA, MEMANG ADA PERBEZAAN ANTARA PESYARIKATAN JEPUN DENGAN PESYARIKATAN MALAYSIA TERMASUK SOAL KEBUDAYAAN, SISTEM DAN MASALAH KETIDAKSEIMBANGAN KAUM YANG WUJUD DI NEGARA INI.

+KITA AKAN GUNAKAN CARA YANG SESUAI DAN MUNGKIN KITA AKAN MEMBENTUK CARA CARA KITA SENDIRI+, KATANYA.

--LAGI. 1700/WS

MAHATHIR - KONSEP-2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DALAM MASYARAKAT MAJMUK, KATA PERDANA MENTERI TERDAPAT PERCANGGAHAN PENDAPAT SEPERTI DALAM POLITIK TETAPI ADA BIDANG-BIDANG YANG +KITA BOLEH BEKERJASAMA SEHINGGA DAPAT WUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG AMAN DAMAI.+

BELIAU MENJELASKAN, DALAM KONSEP ITU TIDAK BERERTI SEMUA SYARIKAT MILIK KERAJAAN AKAN DISERAHKAN KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU BUMIPUTERA TETAPI DALAM KES-KES TERTENTU YANG MISALNYA, PERBADANAN NASIONAL BERHAD TIDAK BERHAJAT UNTUK MENGAMBIL ALIH DAN INDIVIDU BUMIPUTERA MEMPUNYAI KEPAKARAN, PERKARA ITU BOLEH DITIMBANGKAN.

JELASNYA, KERANA WANG RAKYAT DIGUNAKAN UNTUK MENGADAKAN SYARIKAT-SYARIKAT ITU MAKA SEPATUTNYA BUMIPUTERA YANG MERUPAKAN PENDUDUK TERBESAR DI NEGARA INI MENIKMATI USAHA KERAJAAN MELABUR DALAM PERNIAGAAN DAN INI DAPAT DIBUAT MELALUI AMANAH SAHAM NASIONAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENYERAHAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEGIATAN KERAJAAN KEPADA SWASTA TIDAK BERMAKNA IA MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA.

INI ADALAH SATU LAGI PENDEKATAN YANG DITERIMA OLEH KERAJAAN IAITU UNTUK MEMPASTIKAN SUPAYA BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN MENJADI LEBIH EFISIEN, KATANYA.

--LAGI. 1705/WS

ZCZC B631

MAHATHIR - KONSEP 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN PERLU MEMINDA UNDANG-UNDANG YANG ADA SUPAYA MUDAH DITAFSIR DAN DILAKSANAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MAMPU SEDANG MENKKAJI SAMA ADA LANGKAH-LANGKAH ITU PERLU ATAU TIDAK.

BELIAU MENGAKUI MEMANG BENAR ADA MASALAH UNDANG-UNDANG TETAPI YANG LEBIH BESAR IALAH LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENJALANKAN SESUATU TUGAS.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, UNTUK MELULUSKAN PERMOHONAN MENGADAKAN SATU SKIM PERUMAHAN IA MEMERLUKAN TIDAK KURANG DARIPADA 120 URUSAN YANG DISELENGGARAKAN OLEH ANTARA 30 HINGGA 40 ORANG PEGAWAI. MENGATASI MASALAH ITU, MAMPU SEDANG MERANGKA UNTUK SATU SISTEM BARU UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN TERSEBUT MELALUI PENGENALAN SATU CARTA TUGAS KERJA.

DI BAWAH CARTA INI TINDAKAN AKAN DIAMBIL UNTUK MENENTUKAN LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DILALUI DAN SIAPA YANG AKAN MELAKSANAKANNYA UNTUK MEMPERCEPATKAN SESUATU PERMOHONAN.

CARA INI JUGA DAPAT MENGURANGKAN URUSAN BERKAITAN DENGAN SESUATU PERMOHONAN UMPAMANYA, DARI 120 KEPADA HANYA 30 URUSAN SAHAJA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA MENGAMBIL TINDAKAN MENGENAI RANGKA KERJA BAGI PARA PEGAWAI KERAJAAN SEJAJAR DENGAN KONSEP ITU SUPAYA DAPAT MELAHIRKAN SEBUAH KERAJAAN YANG BENAR-BENAR CEKAP.--LAGI. 1715/WS

ZCZC B632

MAHATHIR - KONSEP 4 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA KONSEP ITU AKAN MENIMBULKAN REAKSI DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG MALAYSIA BERDAGANG TERUTAMA DARI BARAT, PERDANA MENTERI BERKATA MUNGKIN ADA REAKSI ITU.

+TETAPI LAMBAT LAUN MEREKA TENTU TERPAKSA MEMBELI DARIPADA PUNCA YANG LEBIH MURAH ATAUPUN MEREKA TERPAKSA BERSAING DENGAN KITA DENGAN MENGURANGKAN HARGA BARANGAN MEREKA,+ TAMBAHNYA.

+SEKIRANYA KITA MENERIMA PENDAPAT BAHAWA KALAU KITA BERJAYA MAKA PIHAK LAIN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP KITA MAKA TIDAK WUJUD KEBUN-KEBUN KELAPA SAWIT SEPERTI SEKARANG KERANA TAKUT ORANG LAIN MARAH KEPADA KITA. JADI KITA TIDAK BOLEH MENERIMA PENDAPAT YANG SEBEGITU, KATANYA.

OLEH ITU PERLU BAGI MALAYSIA BERUSAHA UNTUK BERSAING SUPAYA SEKIRANYA TIDAK DAPAT MENJUAL KEPADA SESUATU TEMPAT, CARI TEMPAT LAIN YANG BOLEH DIJUAL.

DITANYA SAMA ADA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA TELAH ATAU SEDANG DILAKSANAKAN, PERDANA MENTERI BERKATA SEBENARNYA ASAS PERLAKSANAAN KONSEP ITU BERGANTUNG KEPADA SIKAP KERAJAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAINYA --LAGI. 1725/WS

MAHATHIR - KONSEP 5 KUALA LUMPUR

DENGAN KONSEP ITU DIBERITAHU KEPADA PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK MAKA IA BERERTI SUDAH PUN DIMULAKAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN DENGAN ADANYA PERUBAHAN SIKAP IAITU KERAJAAN TIDAK BERKONFRANTASI DENGAN SWASTA MAKA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA TELAH DILAKSANANNAKAN.--BERNAMA. 1727/WS